

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)****1. Apakah 'HLB Jumpstart'?**

'HLB Jumpstart' ialah platform CSR kami yang bekerjasama rapat dengan usahawan dan perusahaan sosial dan menyediakan peluang kepada usahawan ini untuk memulakan perniagaan mampan mereka sendiri.

Dengan kerjasama dari rakan kongsi dan pakar industri dalam kewangan, penjenamaan dan pengiklanan, kami bukan sahaja dapat membantu memperkasakan usahawan, tetapi juga menjadi sebahagian daripada perjalanan mereka untuk berkembang maju dalam industri masing-masing. Beberapa perusahaan sosial di bawah HLB Jumpstart termasuk Suri, Green Hero, Coffee for Good, The Asli Co., dan Benak Raya.

**2. Apakah 'Perniagaan Mikro HLB Jumpstart'?**

'Perniagaan Mikro HLB Jumpstart' ialah program kewangan sosial oleh Hong Leong Islamic Bank ('HLISB' atau Bank) dan merupakan lanjutan baharu di bawah HLB Jumpstart.

**3. Apakah program kewangan sosial oleh HLISB dan objektifnya?**

Program kewangan sosial oleh HLISB bertujuan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan melalui pemerkasaan perniagaan mikro, memastikan impak yang positif dan mampan. Ini adalah selaras dengan teras kemampanan Bank iaitu 'Pelaburan Komuniti', di mana kami berhasrat untuk membantu mereka membina perniagaan yang mampan.

**4. Bagaimanakah HLISB menguruskan program ini?**

HLISB bekerjasama dengan dua (2) rakan kongsi platform iaitu, Alfie Tech Sdn Bhd dan MADCash Sdn Bhd. Rakan kongsi platform ini akan menyediakan pinjaman tanpa faedah dan peluang modal untuk memulakan perniagaan, serta bimbingan dan latihan tentang cara menjalankan perniagaan.

**5. Apakah jenis program yang ditawarkan oleh rakan kongsi platform?****a) Model Dropship oleh Alfie Tech Sdn Bhd**

Rakan kongsi platform akan memberikan pinjaman tanpa faedah melalui pembelian produk secara kredit dari kedai e-dagang sebagai inventori perniagaan bagi benefisiari yang layak untuk mereka melakukan jualan. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.alfie.asia/>

**b) Model Pembiayaan Modal oleh MADCash Sdn Bhd**

Rakan kongsi platform akan memberikan pinjaman tanpa faedah secara terus kepada penerima yang layak ( kaum wanita yang mempunyai perniagaan baru/sedia ada) untuk modal kerja dan keperluan operasi mereka. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://getmadcash.com/>

**6. Berapakah jumlah maksimum pembiayaan yang boleh dimohon?**

Alfie Tech Sdn Bhd menawarkan sehingga RM1,500 untuk model dropship manakala MADCash Sdn Bhd menawarkan RM4,000 untuk model pembiayaan modal dengan tempoh bayaran balik selama 12 bulan.

**7. Bagaimanakah saya boleh memohon untuk program ini?**

Untuk memohon, sila layari:

Alfie Tech Sdn Bhd (<https://www.alfie.asia/>) dan;  
MADCash Sdn Bhd (<https://getmadcash.com/>)



HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD 200501009144 (686191-W)

**8. Maklumat lanjut mengenai program boleh didapati melalui:**

Alfie Tech Sdn Bhd (hello@alfie.asia)  
MadCash Sdn Bhd (support@getmadcash.com)

Selain itu, anda juga boleh menulis ke:

Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) SoFi  
Tingkat 23, Menara Hong Leong,  
No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur  
hlisbsofi@hlisb.hongleong.com.my